



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
SEPTEMBER 2014 SESSION**

SUBJECT CODE : MPW1133, MPW2133, MPU2163
SUBJECT TITLE : PENGAJIAN MALAYSIA
LEVEL : DIPLOMA
TIME / DURATION : 2.00 PM – 4.00 PM
(2 HOURS)
DATE : 7 JANUARY 2015

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of **ONE (1) section**. Section A. Answer all questions in Section A.
-

THERE ARE 13 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan. HITAMKAN jawapan yang betul.

Sila guna kertas jawapan yang disediakan.

1. Apakah reaksi Lee Kuan Yew sebagai pemimpin *People's Action Party* (PAP) terhadap gagasan Malaysia?
 - A. Berminat dengan idea penubuhan Malaysia.
 - B. Membantah penyertaan Brunei ke dalam Malaysia.
 - C. Berkongsi pandangan yang sama dengan Parti Buruh dan *People's United Party*.
 - D. Menolak penggabungan bersama negeri-negeri Borneo yang dianggap sebagai kurang membangun ke dalam Malaysia.

2. Berikut adalah pendirian Parti Rakyat Brunei terhadap gagasan Malaysia.
 - A. Menentang penyertaan Brunei ke dalam Malaysia.
 - B. Bersetuju jika penggabungan tidak melibatkan Singapura.
 - C. Menyokong, namun mahu Brunei merdeka terlebih dahulu.
 - D. Akur kepada sebarang keputusan yang dibuat oleh Sultan Omar Ali Saifuddien.

3. Penyertaan Borneo Utara British dan Sarawak ke dalam Malaysia amat penting untuk
 - A. memajukan ekonomi Tanah Melayu dan Singapura.
 - B. mewujudkan keseimbangan kaum dalam Malaysia.
 - C. meningkatkan kefahaman dan kesedaran politik di Tanah Melayu.
 - D. membangunkan sistem pentadbiran kerajaan pusat yang sistematik.

4. Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan untuk
 - A. mengurangkan keraguan terhadap konsep Malaysia.
 - B. memberikan galakan kepada negeri-negeri Borneo untuk menyertai Malaysia.
 - C. meninjau pandangan rakyat Sabah dan Sarawak mengenai gagasan Malaysia.
 - D. menjadi wakil kerajaan British dalam rundingan di antara Tanah Melayu dengan negeri-negeri dicadangkan bergabung dalam Malaysia.

5. Objektif khusus Jawatankuasa Antara Kerajaan (Ogos 1962) adalah
- A. menyelesaikan bantahan Indonesia dan Filipina terhadap penubuhan Malaysia.
 - B. merangka Perlembagaan Malaysia dan memastikan hak Sabah dan Sarawak.
 - C. mengadakan referendum bagi meninjau pandangan penduduk semua negeri yang terlibat terhadap gagasan Malaysia.
 - D. memberikan penjelasan kepada para pemimpin dan rakyat di negeri-negeri Borneo mengenai konsep Malaysia yang sebenar.
6. Tujuan utama Misi Bangsa-Bangsa Bersatu (Jun 1963) adalah
- A. menyasat kesahihan keputusan rasmi Referendum Singapura.
 - B. menghalang konfrontasi ketenteraan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.
 - C. menjadi orang tengah bagi menyelesaikan bantahan Filipina terhadap pembentukan Malaysia.
 - D. mendapatkan kepastian tentang perasaan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap konsep Malaysia.
7. Semua kenyataan berikut adalah benar **kecuali**
- A. Indonesia menyokong gerakan pemberontakan Brunei yang dicituskan oleh A.M. Azahari.
 - B. Tuntutan ke atas Sabah menjadi sebab utama Filipina menentang pembentukan Malaysia.
 - C. Konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia turut melibatkan penentangan berbentuk ketenteraan.
 - D. Filipina menentang pembentukan Malaysia kerana Manila tidak dirunding oleh Kuala Lumpur dan London pada peringkat awal.
8. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- I. Perlembagaan bertulis.
 - II. Mengatasi kuasa Parlimen, mahkamah dan kerajaan.
 - III. Mengandungi 15 bahagian, 183 perkara dan 13 jadual.
 - IV. Tidak terdapat peruntukan dalam perlembagaan yang membolehkannya dipinda.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.

9. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Perlembagaan Persekutuan Malaysia **kecuali**
- A. diisytiharkan pada 16 September 1963.
 - B. berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
 - C. dimansuhkan dan dirangka rangka semula selepas Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965.
 - D. dibentuk apabila Singapura, Sabah dan Sarawak bergabung dengan Malaya menjadi anggota negara baru Malaysia.
10. Konsep raja berperlembagaan bermaksud raja
- A. tidak lagi mempunyai fungsi dalam pemerintahan.
 - B. tidak lagi mempunyai sebarang kuasa budi bicara.
 - C. bertindak mengikut nasihat kerajaan yang memerintah.
 - D. hanya merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja.
11. Doktrin pengasingan kuasa merujuk kepada pengasingan kuasa di antara
- A. agensi-agensi kerajaan.
 - B. mahkamah sivil dan syariah.
 - C. kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.
 - D. badan perundangan, eksekutif dan kehakiman.
12. Pilih ciri-ciri utama kandungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- I. Struktur Mahkamah Sivil dan Syariah.
 - II. Malaysia sebagai sebuah Persekutuan.
 - III. Ketertinggian Parlimen dan kebebasan undang-undang.
 - IV. Kebebasan beragama dengan Islam sebagai agama rasmi.
- A. I dan III.
 - B. II dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
13. Berikut adalah keunikan jawatan Yang di-Pertuan Agong.
- A. Bersemayam di atas takhta seumur hidup.
 - B. Mempunyai imuniti (kekebalan) undang-undang.
 - C. Dipilih daripada kalangan Raja-Raja Melayu secara bergilir-gilir bagi tempoh lima tahun.
 - D. Boleh dipilih daripada kalangan Raja-Raja Melayu ataupun Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

14. Prinsip jus soli adalah cara yang membolehkan seseorang mendapatkan taraf kewarganegaraan di Malaysia berdasarkan faktor
- A. undang-undang tempat lahir.
 - B. undang-undang mengikut keturunan darah.
 - C. perkahwinan dengan seseorang warganegara Malaysia.
 - D. tempoh bermastautin yang panjang secara tetap dalam Persekutuan.
15. Badan eksekutif dalam pemerintahan negara berfungsi sebagai
- A. pentafsir undang-undang.
 - B. pelaksana undang-undang.
 - C. pengadil undang-undang.
 - D. penggubal undang-undang.
16. Perkara berikut yang diperkenalkan pada tahun 1951 telah memberikan peluang dan latihan kepada pemimpin tempatan bagi mendapatkan pengalaman memerintah secara demokrasi.
- A. Sistem Ahli.
 - B. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.
 - C. Pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan.
 - D. Pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.
17. Jawatan berikut dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut budi bicara baginda.
- A. Menteri-menteri.
 - B. Perdana Menteri.
 - C. Ahli-ahli Dewan Negara.
 - D. Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
18. Ahli Kabinet yang dikenali sebagai Menteri Berportfolio bertanggungjawab
- A. mengetuai sesuatu kementerian.
 - B. memangku tugas Perdana Menteri.
 - C. mengetuai Jabatan Perdana Menteri.
 - D. membantu Perdana Menteri menjalankan tugas-tugas yang tertentu.
19. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai fungsi-fungsi Kabinet **kecuali**
- A. memulakan langkah perundangan.
 - B. badan pembuat dasar tertinggi negara.
 - C. pembawa usul atau rang undang-undang kerajaan.
 - D. menjalankan kuasa eksekutif kerajaan persekutuan dan negeri.

25. Perbadanan awam merupakan
- A. agensi separa kerajaan.
 - B. syarikat swasta yang diambil alih oleh kerajaan.
 - C. agensi perkhidmatan kerajaan yang diswastakan.
 - D. jabatan kerajaan yang ditubuhkan untuk membantu kementerian.
26. Badan-badan tidak berkanun ditubuhkan di bawah
- A. Enakmen.
 - B. Akta Syarikat.
 - C. Akta Parlimen.
 - D. Akta Pertubuhan.
27. Semua perkara berikut adalah benar mengenai Majlis Amanah Rakyat **kecuali**
- A. ditubuhkan di bawah Akta Parlimen.
 - B. merupakan sebuah perbadanan awam.
 - C. bersifat dan bergerak sebagai syarikat perniagaan biasa.
 - D. bertanggungjawab kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
28. Berikut adalah sebuah badan tidak berkanun.
- A. Petroleum Nasional Berhad.
 - B. Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - C. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.
 - D. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.
29. Sistem kerajaan tempatan yang diamalkan di Malaysia dari segi sejarah telah diperkenalkan semasa
- A. zaman penjajahan British.
 - B. zaman pendudukan Jepun.
 - C. berlakunya penubuhan Malaysia.
 - D. Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

30. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai sistem kerajaan tempatan di Malaysia **kecuali**
- A. berada di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan.
 - B. merupakan di peringkat yang paling rendah dalam sistem kerajaan di Malaysia.
 - C. pegawai tertinggi bagi Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dipanggil Yang di-Pertua Majlis.
 - D. antara jenis perkhidmatan yang diberikan adalah penjagaan kesihatan am, memungut sampah dan menyediakan tandas awam.
31. Hasil tahunan bagi setiap Majlis/ Dewan Bandaraya melebihi
- A. RM 20 juta.
 - B. RM 50 juta.
 - C. RM 75 juta.
 - D. RM 100 juta.
32. Manakah kriteria yang tepat bagi pihak berkuasa tempatan bertaraf Majlis Perbandaran?
- A. Hasil tahunan melebihi RM 50 juta.
 - B. Hasil tahunan tidak kurang RM 100 juta.
 - C. Jumlah penduduk melebihi 150, 000 orang.
 - D. Jumlah penduduk tidak kurang 500, 000 orang.
33. Jumlah penduduk bagi Majlis Daerah adalah kurang daripada
- A. 100, 000 orang.
 - B. 150, 000 orang.
 - C. 250, 000 orang.
 - D. 500, 000 orang.
34. Pilih sumber-sumber pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan.
- I. Cukai taksiran yang dikenakan ke atas harta.
 - II. Semua faedah yang dilaburkan oleh penguasa tempatan.
 - III. Geran kewangan daripada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.
 - IV. Pinjaman daripada institusi kewangan seperti bank-bank perdagangan.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. I, III dan IV.

35. Berikut adalah salah satu fungsi Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.
- A. Mengesahkan undang-undang kecil.
 - B. Meluluskan belanjawan penguasa tempatan.
 - C. Melantik pegawai tertinggi dalam kerajaan tempatan.
 - D. Memastikan proses pembentukan kerajaan tempatan berteraskan dasar-dasar negara.
36. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai suruhanjaya.
- I. Sebuah badan bebas.
 - II. Bertujuan melicinkan perjalanan jentera pentadbiran.
 - III. Suruhanjaya tetap terdiri daripada suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan.
 - IV. Ahli-ahlinya dilantik secara khas oleh Majlis Raja-Raja selepas berunding dengan Kabinet.
- A. I dan II.
 - B. I dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
37. Berikut adalah salah satu fungsi utama Suruhanjaya Pilihan Raya.
- A. Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih.
 - B. Meluluskan permit ceramah untuk kempen politik semasa pilihan raya.
 - C. Mendakwa sesiapa yang melakukan kesalahan berkaitan dengan pilihan raya.
 - D. Mengawal keselamatan calon dan para pengundi semasa proses pilihan raya berlangsung.
38. Siapakah yang mempengerusikan Suruhanjaya Pasukan Polis?
- A. Perdana Menteri.
 - B. Ketua Polis Negara.
 - C. Menteri Dalam Negeri.
 - D. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.
39. Suruhanjaya berikut turut dianggotai oleh Peguam Negara.
- A. Majlis Peguam.
 - B. Majlis Angkatan Tentera.
 - C. Suruhanjaya Pasukan Polis.
 - D. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

40. Semua perkara berikut adalah benar mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan **kecuali**
- A. telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 1974.
 - B. dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 - C. fungsinya meliputi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan anggota kumpulan sokongan.
 - D. ditubuhkan hasil syor Suruhanjaya Diraja mengenai Perkhidmatan Perguruan.
41. Berikut adalah tujuan suruhanjaya tidak tetap ditubuhkan.
- A. Membantu Kabinet menjalankan tugas-tugas tertentu.
 - B. Menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan awam.
 - C. Mendengar prosiding yang melibatkan kes-kes sivil dan jenayah ahli Majlis Raja-Raja.
 - D. Mengkaji dan menangani sesuatu masalah atau isu besar yang melibatkan kepentingan awam.
42. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Rancangan Malaysia.
- I. Mengambil tempoh masa selama lima sehingga sepuluh tahun.
 - II. Bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1971.
 - III. Negara kini sedang berada dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.
 - IV. Menghasilkan keseimbangan ekonomi dalam kalangan rakyat dan meletakkan negara di atas platform yang betul ke arah pembangunan mapan.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
43. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) **kecuali**
- A. mengambil tempoh masa 10 atau 20 tahun.
 - B. memberi tumpuan kepada usaha membasmi kemiskinan.
 - C. mula diperkenalkan pada tahun 1971 melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).
 - D. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan untuk tempoh 20 tahun.

44. Semua perkara berikut adalah benar mengenai Dasar Pembangunan Nasional **kecuali**
- A. menggantikan Dasar Wawasan Negara.
 - B. sebenarnya merupakan DEB dalam bentuk yang baru.
 - C. memberikan tumpuan khas kepada keluarga termiskin.
 - D. merangkumi Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh.
45. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai Dasar Wawasan Negara?
- A. Bermatlamat untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.
 - B. Lima strategi utamanya tidak merangkumi usaha membasmi kemiskinan.
 - C. Dilaksanakan dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.
 - D. Dikemukakan oleh Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi.
46. Pilih objektif-objektif Dasar Pertanian Negara.
- I. Mengurangkan tahap pergantungan negara kepada sektor perindustrian.
 - II. Memajukan hasil serta mutu komoditi-komoditi pertanian yang mempunyai potensi eksport.
 - III. Mengurangkan kadar kemiskinan dan memperbaiki kualiti hidup keluarga pengusaha/ pekebun kecil.
 - IV. Mengurangkan eksport hasil pertanian tempatan ke luar negara untuk memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi.
- A. I dan II.
 - B. I dan IV.
 - C. II dan III.
 - D. III dan IV.
47. Berikut adalah tujuan Dasar Penswastaan dilancarkan pada tahun 1983.
- A. Meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja.
 - B. Meningkatkan persaingan di antara sektor awam dan swasta.
 - C. Menjadikan sektor perkilangan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi.
 - D. Mewujudkan kerjasama erat dan berkesan di antara sektor awam dan swasta demi pembangunan negara.

48. Apakah matlamat pembentukan Dasar Perindustrian Negara?
- A. Menghentikan pergantungan ekonomi negara kepada sektor pertanian.
 - B. Meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tempatan.
 - C. Memastikan sektor awam dan perindustrian saling memahami matlamat dan prosedur kedua-dua belah pihak.
 - D. Menghapuskan sifat permusuhan dengan menggalakkan perkongsian maklumat di antara sektor awam dan perindustrian.
49. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai Dasar Pendidikan Kebangsaan 1961?
- A. Menghentikan pengajaran bahasa ibunda.
 - B. Digubal berasaskan Laporan Aminudin Baki.
 - C. Menggunakan buku teks yang berlatarkan Malaysia.
 - D. Mewajibkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
50. Perkara berikut merupakan salah satu syor penting dalam Penyata/ Laporan Razak.
- A. Memulakan Sistem Pendidikan Aneka Jurusan.
 - B. Menamatkan pendidikan teknik dan vokasional.
 - C. Pemansuhan peperiksaan masuk sekolah menengah.
 - D. Bahasa Melayu diajar kepada semua murid di semua sekolah.
51. Teras pembangunan atau program dalam strategi pelaksanaan Dasar Belia Negara berikut memastikan adanya unsur-unsur patriotisme, daya tahan, semangat kepimpinan dan berpasukan.
- A. Ekonomi.
 - B. Sosial (Nilai).
 - C. Kepimpinan.
 - D. Rakan Muda.
52. Teras Politik dan Integrasi Nasional dalam strategi pelaksanaan Dasar Belia Negara bertujuan untuk
- A. memantapkan imej dan meningkatkan profesionalisme pertubuhan belia.
 - B. meningkatkan kesedaran dan kefahaman belia tentang sejarah dan sistem politik negara.
 - C. memperkasakan keupayaan Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Perundingan Belia.
 - D. memastikan tingkah laku yang perlu dimiliki oleh belia selaras dengan matlamat pembangunan negara.

- *Antartika sebagai warisan manusia sejagat.*
- *Dasar Pandang ke Timur.*
- *Kumpulan 15 (G15).*

57. Pelbagai inisiatif di atas diambil semasa kepimpinan Perdana Menteri berikut.
- A. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.
 - B. Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi.
 - C. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein.
 - D. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.
58. *Zone of Peace, Free and Neutrality (ZOPFAN)* adalah contoh kerjasama politik yang melibatkan Malaysia dalam organisasi berikut.
- A. IMF.
 - B. OIC.
 - C. ASEAN.
 - D. KOMANWEL.
59. Manakah kerjasama politik yang melibatkan Malaysia dalam NAM?
- A. Deklarasi Prinsip Harare.
 - B. Kerjasama Selatan-Selatan.
 - C. *Contact Group on Sierra Leone.*
 - D. *Committee of Eight on Southern Philippines.*
60. Malaysia terlibat secara aktif dalam organisasi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berikut.
- A. PTA.
 - B. WHO.
 - C. AFTA.
 - D. EAEC.

KERTAS SOALAN TAMAT